

25 JAN, 2025

Nikmati peluang pendidikan mampan

Harian Metro, Malaysia



ABDUL Razak (tengah, barisan belakang) bergambar bersama semua pelajar yang mendapat tajaan dan pinjaman daripada YTN pada Majlis Penganugerahan Tajaan 2024 dan Pelancaran Kutipan Dana Awam YTN di Pusat Konvensyen Bangi Avenue, Kajang.

Oleh Mohamad Naufal
 Mohamad Idris
 am@hmetro.com.my

Bangi

Bagi Nor Ainaa Syafiqah Nasaruddin, 18, dia amat memerlukan bantuan Dermaisw My Brighter Future (MyBF) yang ditawarkan Yayasan Tenaga Nasional (YTN) bagi mengurangkan beban keluarga menanggung kos pelajarannya.

Kata anak jati Kampung Pejing, Chenor, Pahang itu datang daripada keluarga susah yang mana hanya ayahnya sahaja yang bekerja dan berpendapatan tidak melebihi RM1,000 sebulan membuatkan dia amat memerlukan bantuan kewangan daripada yayasan tersebut.

"Ibu pula tidak bekerja dan ini membuatkan ayah menanggung saya bersama ahli keluarga yang lain. Saya mempunyai lima orang adik beradik yang mana saya merupakan anak ketiga.

"Amat bersyukur dan terharu setelah YTN memilih saya sebagai salah seorang penerima Dermaisw MyBF. Saya berjanji akan belajar bersungguh-sungguh dan memanfaatkan sebaiknya peluang yang diberikan ini," kata pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) itu.

Sementara itu, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid berkata, TNB komited melalui YTN dalam menyediakan program tajaan pendidikan untuk memberikan peluang kepada mereka yang memerlukan untuk meneruskan pengajian mereka.

Menurutnya, apa yang

Nikmati peluang pendidikan mampan



NOR Ainaa Syafiqah

dilakukan yayasan tersebut untuk menyediakan bakat-bakat baharu dan berkepakaran bagi membantu kerajaan menajayakan inisiatif Peralihan Tenaga, mencapai aspirasi Pelepasan Karbon Sifar Bersih Menjelang 2050 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

"Ia seiring dengan komitmen kami mengutamakan prestasi syarikat dan dalam masa sama tidak mengabaikan keperluan untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti, selaras dengan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"TNB melalui YTN, sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat dengan menyediakan peluang pendidikan untuk anak-anak yang memerlukan," katanya ketika berucap pada Majlis Penganugerahan Yayasan Tenaga Nasional 2024 & Pelancaran Kutipan Dana Awam di Pusat Konvensyen Bangi



PRIETY Kaur Jessy

Sejak 30 tahun lalu, YTN telah menaja seramai 20,700 pelajar dengan peruntukan RM1.8 bilion digunakan bagi tujuan pendidikan dan kebajikan am

Bagi tahun 2024 sehingga bulan Disember, YTN telah memberikan bantuan kepada 1,582 pelajar dengan pelaburan berjumlah RM42.6 juta

Seramai 150 pelajar yang mendapat tajaan TNB Prime Scholarship, TNB Shine Sponsorship dan Dermaisw MyBF

Avenue baru-baru ini. Dalam majlis berkenaan, seramai 150 pelajar yang mendapat tajaan, yang mana 50 pelajar mendapat



LIM Ethan

TNB Prime Scholarship, 50 pelajar pula mendapat TNB Shine Sponsorship dan 50 lagi mendapat Dermaisw MyBF.

Pada tahun lalu sehingga bulan Disember, seramai 1,582 murid telah mendapat pembiayaan di bawah YTN dengan pelaburan berjumlah RM42.6 juta.

"Kepada para penerima tajaan pendidikan YTN Prime Scholarship, pinjaman boleh ubah SHINE dan My Brighter Future, tahniah saya ucapkan atas pencapaian cemerlang anda. Saya berbangga dengan komitmen YTN di mana sejak penubuhannya lebih 30 tahun yang lalu, YTN terus komited menaja 20,700 pelajar dan lebih RM1.8 bilion dana telah digunakan bagi tujuan pendidikan dan kebajikan am," jelasnya.

Mengenai Kutipan Dana Awam YTN, Abdul Razak memaklumkan dana awam itu diperkenalkan bertujuan



Al-MUHAIMIN

untuk mengumpulkan dana pendidikan bagi rakyat Malaysia yang memerlukan.

Selain itu, inisiatif ini juga bertujuan memupuk komuniti sokongan untuk misi YTN melalui pendidikan dan menggalakkan keterangkuman.

"Inisiatif ini diwujudkan bagi membolehkan semua lapisan masyarakat menikmati peluang pendidikan yang mampan, agar generasi akan datang menjadi pemimpin yang memiliki ciri-ciri profesional, berintegriti, 'marvel' dan 'edge' selaras dengan aspirasi Program Pembangunan Pelajar YTN PRIME.

Bagi penerima TNB Prime Scholarship, Priety Kaur Jessy, 18, dia menahirkkan penghargaan kepada yayasan tersebut kerana meluluskan permohonan untuk mendapatkan biasiswa berkenaan.

Menurutnya, dia ingin menjadi sebahagian daripada keluarga besar TNB

sekiranya selesai pengajiannya, iaitu dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Kuasa.

Seorang lagi penerima TNB Prime Scholarship, Lim Ethan, 18, dia menasaskan untuk mendapat keputusan 4A dalam peringkat A-Level (GCE Advanced Level) dalam pengajian di Kolej Yayasan UEM (KYUEM) supaya impian untuk belajar di salah sebuah universiti terkemuka di United Kingdom (UK) tercapai.

Ujarnya, ia menjadi impiannya sejak dahulu untuk menyambung pengajiannya di negara itu, justeru berjanji tidak akan mensia-siakan peluang yang diberikan YTN.

Seorang penerima tajaan TNB Prime Scholarship, Al-Muhaimin Nor Alfatah, 18, dia tidak menyangka YTN akan memilihnya sebagai penerima biasiswa berkenaan memandangkan ramai pelajar yang turut memohon bantuan kewangan yang sama.

Jelasnya, dia kini selangkah lebih dekat untuk menggapai cita-citanya untuk menjadi seorang penganalisis data, iaitu pekerjaan yang diminatinya sejak bangun sekolah lagi.

"Saya telah menyertai program dan pertandingan yang berkaitan seperti pengaturcaraan komputer dan penaakulan mantik. Tanpa mengabaikan prestasi akademik, saya berjaya meraih 9A dalam SPM dan gred purata 3.98.

"Saya akan berusaha untuk memegang jawatan dalam bahagian teknologi dan maklumat di TNB sendiri," kata pelajar di KYUEM itu.